

**Putera Upko Cadang Tubuh Sekretariat Perkukuh Perpaduan Kadazandusun Murut Bernama  
29 Mei, 2013**

KOTA BELUD, 29 Mei (Bernama) -- Sayap Putera Pertubuhan Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) menyarankan agar sebuah sekretariat tetap ditubuhkan bagi mengukuhkan perpaduan kaum Kadazandusun Murut (KDM).

Ketua Komulan (Putera) Upko, Ewon Benedick berkata penubuhan sekretariat itu juga dapat mengekalkan kelangsungan inisiatif oleh Upko, Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dalam menangani isu yang dihadapi KDM.

"Kita semua bersetuju semua mesti bersatu. Sebelum ini sudah ada usaha untuk menyatukan semua parti yang berasaskan kaum KDM namun tidak menjadi kenyataan.

"Barangkali kita boleh tubuhkan sekretariat tetap agar pemimpin muda parti terbabit boleh memahami antara satu lain dengan lebih baik dan bekerja bersama bagi memenuhi aspirasi komuniti," katanya ketika merasmikan sambutan Kaamatan di Kampung Rangalau, di sini semalam.

Menurut Ewon, Operasi Tataba (Bantuan Gereja) yang diusahakan bersama oleh tiga parti berkenaan bermula Mac lepas, merupakan "hasil tuaian" terbaik tahun ini yang harus diraikan oleh komuniti KDM pada Kaamatan kali ini.

"Kaamatan tidak bermakna kita hanya meraikan berapa hasil padi yang kita tuai atau sejauh mana kejayaan yang dicapai dalam bidang pilihan kita, tetapi juga mengenai sejauh mana kita menghargai nilai moral dan semangat yang dianjurkan komuniti," katanya.

Menurut Ewon, masih banyak yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan aspek tersebut.

Ewon yang juga Timbalan Ketua Upko Kota Belud berkata komuniti KDM harus terlebih dahulu mempertimbangkan perpaduan sesama sendiri sebelum berfikir mengenai penubuhan parti tunggal seperti yang dicadang oleh Parti Gerakan.

"Kita kumpulan etnik terbesar di Sabah tetapi dalam konteks nasional kita adalah kumpulan minoriti. Jika majoriti mahu parti tunggal, kita akan terus terpinggir andai kita tidak bersatu.

"Kita tidak boleh menjadi pembangkang kerana masih ada banyak isu yang perlu diselesaikan, dan atas faktor itu kita mesti berada di pihak kerajaan," katanya.

Ewon juga menggesa penduduk Kampung Rangalau agar memperkukuhkan perpaduan mereka dan bersama-sama membangunkan kampung berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=952757>

